



POLISI PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH

**BAHAGIAN INTEGRITI DAN AUDIT DALAM
MAJLIS PERBANDARAN PEKAN**

TERHAD

POLISI PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Amalan memberi dan menerima hadiah telah menjadi budaya dalam masyarakat bagi melahirkan rasa terima kasih, kasih sayang, persahabatan dan persaudaraan. Ianya telah menjadi kebiasaan, terutamanya semasa musim perayaan dan majlis-majlis keramaian.
- 1.2 Memberi dan menerima hadiah atau buah tangan selalunya diibaratkan sebagai sedekah atau tanda penghargaan daripada pemberi. Ia dianggap baik jika pemberian itu dibuat dengan niat yang ikhlas, jujur dan bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi serta persahabatan di antara pemberi dan penerima.
- 1.3 Namun begitu, pemberian hadiah boleh menjadi rasuah apabila pemberian itu diberi dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu keistimewaan, keuntungan, perkhidmatan daripada pihak yang berkaitan dengan tugas atau urusan rasminya.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Polisi ini disediakan sebagai garis panduan kepada semua warga kerja dan pihak yang berurusan dengan MPP bagi memastikan perkara ini dapat dikawal serta meningkatkan integriti warga Majlis Perbandaran Pekan (MPP). Polisi ini disediakan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998.

3.0 DEFINISI

- 3.1 Hadiah

Wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, suami/isterinya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya.

TERHAD

3.2 Warga MPP

Merujuk kepada semua pegawai dan kakitangan MPP sama ada lantikan secara tetap, kontrak ataupun sambilan termasuk ahli majlis semasa menjalankan tugas sebagai ahli majlis, Majlis Perbandaran Pekan.

4.0 PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH/KERAIAN OLEH PEGAWAI DAN KAKITANGAN MPP

Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 (PP Bil. 3/1998) dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008 menjelaskan pemberian dan penerimaan hadiah/keraian seperti berikut:

4.1 Larangan Memberi dan Menerima Hadiah/Keraian

- i. Pegawai dan kakitangan MPP dilarang daripada memberi atau menerima hadiah/keraian sekiranya berkaitan dengan tugas rasminya apabila, amaun atau nilai hadiah/keraian tidak sepadan dengan maksud hadiah/keraian itu diberi.
- ii. MPP boleh meraikan pegawai atau kakitangan MPP dalam tugas rasmi atau yang tidak bercanggah dengan tatakelakuan penjawat awam. Sebaliknya, pegawai atau kakitangan MPP perlu menolak sekiranya mendapat pelawaan atau undangan ke majlis/keraian oleh syarikat / individu yang mempunyai kepentingan dengan MPP di mana pegawai atau kakitangan itu bertugas.
- iii. MPP tidak digalakkan memberi hadiah kepada para tetamu khas yang merasmikan atau terlibat dalam upacara rasmi jabatan atau kerajaan.
- iv. Walaupun demikian, jika hadiah itu di dapati perlu diberi atas sebab-sebab tertentu, maka pemberian hadiah itu hendaklah berbentuk lencana (plaque) mengikut had harga yang dibenarkan, pennant, barang-barang kraftangan yang ditulis dengan logo MPP atau apa-apa bentuk produk, bahan atau barangan bercetak yang berkaitan dengan MPP bertujuan untuk promosi MPP dan Daerah Pekan.

TERHAD

4.2 Hadiah/keraian Yang Boleh Diberi Kepada Tetamu MPP

- i. Bagi meraikan dan menghargai tetamu yang datang ke MPP, MPP boleh memberi hadiah berbentuk barangan bagi mempromosikan Majlis Perbandaran Pekan dan memperkenalkan produk Daerah Pekan dengan nilai maksima seperti berikut :

BIL	KATEGORI	NILAI (RM)
1.	Tetamu VIP	250.00
2.	Penceramah, juruaudit tidak berbayar	100.00
3.	Penceramah, juruaudit berbayar	50.00
4.	Tetamu biasa, orang awam	50.00

- ii. Bagi tetamu VVIP (tetamu Diraja, Menteri, dan Pegawai Tertinggi Kerajaan) cenderung diberikan mengikut kesesuaian acara tanpa had.

4.3 Hadiah/keraian Yang Boleh Diterima Oleh Warga MPP Dengan Kebenaran

- i. Semasa menjalankan tugas, kadangkala sukar untuk kakitangan MPP menolak pemberian hadiah kerana jika menolak pemberian itu akan memalukan si pemberi atau menimbulkan keadaan serba salah. Dalam keadaan sukar untuk menolak ini, warga MPP boleh menerima pemberian hadiah/keraian tertakluk kepada perkara berikut:

LAPORKAN KEPADA YDP	PERLUKAN KELULUSAN YDP
<p>a. Nilainya kurang daripada RM250.00</p> <p>b. Berbentuk plaque / pennant / kraftangan / bahan cetak untuk promosi jabatan</p> <p>c. Barangan cepat rosak dan tidak tahan lama seperti buahan, kuih-muih, bunga dan sebagainya</p>	<p>a. Nilainya melebihi RM250.00</p> <p>b. Hadiah/keraian selain daripada plaque / pennant / kraftangan / bahan bercetak / barangan cepat rosak tanpa mengira berapa nilai barangan tersebut.</p>

TERHAD

4.4 Penerimaan Hadiah/keraiian Yang Menjadi Kesalahan

Menjadi satu kesalahan jika hadiah diterima dalam keadaan seperti berikut tanpa mengira nilainya:

- i. Hadiah/keraiian diterima/diminta secara atau dengan niat rasuah yang merupakan satu dorongan atau upah kepada pegawai atau kakitangan MPP bagi melakukan atau tidak melakukan sesuatu atau kerana telah melakukan atau telah tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubung dengan urusan dalam menjalankan kerja rasminya;
- ii. Orang yang memberi hadiah/keraiian itu mempunyai perhubungan dengan tugas rasmi pegawai atau kakitangan MPP itu sendiri atau dengan kakitangan di bawah seliaannya dan pemberian serta penerimaan itu tidak dibuat dengan suci hati, sebaliknya dengan satu niat jenayah; atau
- iii. Hadiah/keraiian itu diterima dengan niat jenayah daripada seseorang, yang pegawai atau kakitangan MPP itu mengetahui atau ada kena mengena dalam apa-apa urusan kerja yang telah dijalankan atau yang akan dijalankan oleh pegawai atau kakitangan MPP.

4.5 Keputusan Yang DiPertua MPP

Yang DiPertua MPP boleh membuat keputusan seperti berikut apabila menerima laporan penerimaan hadiah/keraiian oleh pegawai atau kakitangannya:

- i. Membenarkan pegawai menerima hadiah/keraiian tersebut;
- ii. Mengarahkan pegawai memulangkan semula hadiah tersebut; atau
- iii. Hadiah tersebut disimpan/digunakan oleh MPP.

Berikut adalah perkara-perkara yang perlu diambil kira semasa membuat keputusan di atas:

- i. Memastikan hadiah/keraiian yang diterima tersebut dibenarkan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam

TERHAD

(Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan di bawah PP Bil. 3 Tahun 1998.

- ii. Penerimaan hadiah/keraian tidak menimbulkan syak pegawai atau kakitangan MPP telah menggunakan kedudukan awamnya atau kuasa yang ada padanya untuk memperolehi hadiah/keraian tersebut.
- iii. Ke kerapannya pegawai tersebut menerima hadiah.
- iv. Hubungan antara pegawai atau kakitangan dengan sipemberi.
- v. Kepentingan MPP.

4.6 Penerimaan Hadiah Dan Sumbangan Oleh MPP Daripada Pihak Luar

MPP boleh menerima hadiah dan sumbangan daripada pihak luar dengan kelulusan Yang DiPertua dengan had maksima sehingga RM10,000.00 dan kelulusan Kerajaan Negeri bagi had melebihi RM10,000.00 tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- i. Hadiah dan sumbangan yang diterima hendaklah diberikan oleh penderma secara percuma tanpa sebarang syarat dan ikatan. Penderma-penderma pula tidak mempunyai apa-apa kepentingan dengan MPP.
- ii. Sesuatu hadiah dan sumbangan itu diberikan oleh penderma secara sukarela dan bukan atas permintaan MPP. MPP adalah dilarang menjalankan usaha bagi mendapatkan hadiah atau sumbangan dari mana-mana pihak sama ada syarikat, pertubuhan atau orang perseorangan. Walaubagaimanapun permohonan sumbangan dibenarkan sekiranya program / aktiviti tersebut memberi impak kepada komuniti dan pembangunan Daerah Pekan.
- iii. Sumbangan yang diberikan itu juga hendaklah digunakan mengikut apa yang dihasratkan oleh penderma.
- iv. Semua hadiah hendaklah dimasukkan ke dalam daftar inventori MPP
- v. Hadiah yang diterima juga hendaklah diambil kira dari segi jumlah dan kekerapan hadiah tersebut diterima.
- vi. Dilaporkan dalam Mesyuarat Penuh Ahli Majlis.

TERHAD

4.7 Penerimaan Hadiah Dan Sumbangan Oleh Kelab Kebajikan Dan Sukan MPP

Kelab Kebajikan dan Sukan MPP tidak boleh menerima secara terus sebarang bentuk hadiah atau sumbangan daripada syarikat-syarikat swasta atau orang awam, tetapi boleh membuat permohonan untuk mendapatkan peruntukan atau mendapatkan kelulusan melalui Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) dan Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA). Sumbangan yang diperolehi perlulah dipastikan tiada unsur-unsur paksaan, tidak menimbulkan syak atau keraguan dan beban kepada mana-mana pihak.

5.0 PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH YANG BOLEH MENJADI RASUAH

Pada dasarnya, pemberian dan penerimaan hadiah adalah dianggap sebagai sesuatu yang baik dengan tujuan untuk mengeratkan perhubungan dan tali silaturrahim.

Tetapi, pemberian dan penerimaan hadiah kepada seseorang yang boleh membuat keputusan atau orang yang mempunyai pengaruh boleh menjadi rasuah apabila ia diberikan dengan tujuan untuk kepentingan perniagaan atau peribadi si pemberi.

Serta pemberian dan penerimaan hadiah yang boleh menjadi rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (ASPRM) 2009.

6.0 LAPORAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH

Ketua Bahagian Integriti melaporkan Laporan Pemberian dan Penerimaan Hadiah/keraian di Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Penuh Ahli Majlis.



YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN PEKAN

No. Rujukan : MPP/BIAD/P/03
No. Pindaan : 01/03
Tarikh Kuatkuasa : 24.06.2024

SALINAN DOKUMEN TERKAWAL
TERHAD